

Embargo: Hanya boleh diterbitkan dan disebarikan mulai jam **1200, Rabu, 29 November 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

EKONOMI DIGITAL MALAYSIA 2023

Pendapatan E-Dagang Malaysia Meningkat 5.4 Peratus kepada RM289.5 bilion pada Suku Tahun Ketiga 2023

PUTRAJAYA, 29 NOVEMBER 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **EKONOMI DIGITAL MALAYSIA 2023**. Laporan ini dilengkapkan dengan statistik berkaitan e-dagang, sumbangan industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) kepada ekonomi, capaian dan penggunaan TMK serta prestasi sektor perkhidmatan TMK.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Pendapatan e-dagang Malaysia mencatatkan RM289.5 bilion, meningkat 5.4 peratus tahun ke tahun pada suku tahun ketiga 2023. Bagi pertumbuhan suku tahunan, pendapatan e-dagang mengekalkan trend positif dengan peningkatan 3.2 peratus."

Pada 13 Oktober 2023, DOSM telah mengeluarkan penerbitan Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ASTMK) 2022. ICT dan e-dagang menjana nilai ditambah RM412.3 bilion pada tahun 2022 (2021: RM359.3 bilion) dengan pertumbuhan 14.8 peratus (2021: 12.2%). Sumbangan ICT dan e-dagang kepada ekonomi negara mencapai 23.0 peratus berbanding 23.2 peratus pada tahun 2021. Prestasi ini disumbangkan oleh Nilai Ditambah Kasar Industri TMK (NDKTMK), 13.6 peratus, manakala e-dagang industri lain, 9.4 peratus.

Bagi pecahan pendapatan e-dagang mengikut segmen pasaran pada tahun 2021, hasil yang dijana daripada pasaran domestik mengatasi pasaran antarabangsa berjumlah RM932.7 bilion dan merangkumi 89.9 peratus sumbangan. Sebaliknya, sumbangan

kepada pasaran antarabangsa berjumlah RM104.5 bilion, menyumbang 10.1 peratus. Sementara itu, pendapatan e-dagang mengikut jenis pelanggan melalui Business to Business (B2B) mencatatkan pendapatan tertinggi berjumlah RM713.1 bilion dengan sumbangan 68.8 peratus, diikuti Business to Consumer (B2C) RM308.9 bilion (29.8%) dan Business to Government (B2G), RM15.2 bilion (1.5%).

Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin turut menambah, "Perkhidmatan ICT terdiri daripada aktiviti penerbitan; perkhidmatan wayang gambar, video dan program televisyen, rakaman bunyi & penerbitan muzik; pemrograman dan penyiaran; perkhidmatan telekomunikasi; pengaturcaraan komputer, perundingan & aktiviti yang berkaitan serta perkhidmatan maklumat mencatatkan nilai output kasar RM182.2 bilion pada tahun 2021, mencatatkan pertumbuhan 5.4 peratus berbanding 2020. Selaras dengan pertumbuhan nilai output kasar, nilai input perantaraan turut meningkat sebanyak RM4.6 bilion untuk mencatatkan RM87.4 billion, seterusnya menghasilkan nilai ditambah RM94.8 bilion pada tahun 2021."


Di samping itu, sebanyak 93.8 peratus pertubuhan menggunakan komputer dan 90.6 peratus pertubuhan mengakses internet pada tahun 2021. W.P. Putrajaya kekal merekodkan kadar penggunaan komputer dan internet oleh pertubuhan tertinggi, kedua-duanya mencatatkan 100.0 peratus. Pada tahun 2022, peratusan penggunaan komputer oleh individu adalah 80.2 peratus dan akses kepada internet adalah 97.4 peratus. W.P. Putrajaya mencatatkan peratusan tertinggi penggunaan komputer dan akses kepada internet oleh individu, masing-masing 97.0 peratus dan 99.9 peratus.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Carta1: Prestasi Pendapatan E-Dagang Suku Tahun oleh Pertubuhan, Malaysia, 2021-2023



Carta 2: Sumbangan ICT kepada KDNK, Malaysia, 2015-2022



Carta 3: Sumbangan E-Dagang kepada KDNK, Malaysia, 2015-2022



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
29 NOVEMBER 2023

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, November 29, 2023**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MALAYSIA DIGITAL ECONOMY 2023

Malaysia E-Commerce Income Grew 5.4 Per Cent to RM289.5 billion in the Third Quarter 2023

PUTRAJAYA, NOVEMBER 29, 2023 – Today, the Department of Statistics Malaysia released the **MALAYSIA DIGITAL ECONOMY 2023**. This report presents statistics on e-commerce, Information and Communication Technology's (ICT) contribution to the economy, access and usage of ICT, and the performance of the ICT services sector.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Malaysia's e-commerce income recorded RM289.5 billion, grew 5.4 per cent year-on-year in the third quarter of 2023. For a quarter-on-quarter comparison, e-commerce income maintained a positive trend with a 3.2 per cent increase."

On October 13th, 2023 DOSM released the Information and Communication Technology Satellite Account (ICTSA) 2022. ICT and e-commerce generated value added of RM412.3 billion in 2022 (2021: RM359.3 billion) with a growth of 14.8 per cent (2021: 12.2%). The contribution of ICT and e-commerce to the national economy reached 23.0 per cent as compared to 23.2 per cent in 2021. The performance was contributed by Gross Value Added of the ICT industry (GVAICT), 13.6 per cent, while e-commerce of other industries, 9.4 per cent.

In the breakdown of e-commerce income by market segment for the year 2021, revenue generated from the domestic market significantly surpassed the international market at RM932.7 billion and constituting 89.9 per cent share. In contrast, contributions to the international market amounted to RM104.5 billion, accounting for 10.1 per cent share.

Meanwhile, e-commerce income by customer type via Business to Business (B2B) registered the highest income of RM713.1 billion with a 68.8 per cent contribution, followed by Business to Consumer (B2C) with RM308.9 billion (29.8%) and Business to Government (B2G), RM15.2 billion (1.5%).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, "ICT services, comprise the activities of publishing; motion picture, video and television programme production, sound recording and music publishing; programming and broadcasting; telecommunications services; computer programming, consultancy & related activities and information services recorded a gross output of RM182.2 billion in 2021, registered a growth of 5.4 per cent as compared to 2020. In line with the increase in gross output, the value of intermediate input rose RM4.6 billion to record RM87.4 billion. This subsequently contributed to a value added of RM94.8 billion for year 2021."

Furthermore, 93.8 per cent of establishments used computers, while 90.6 per cent accessed internet in 2021. W.P. Putrajaya maintained the highest rates of computer and internet usage in establishments, both consistently at 100.0 per cent. Moving to 2022, the percentage of individuals using computers was 80.2 per cent, and the internet access was recorded at 97.4 per cent. W.P. Putrajaya displayed the highest individual computer usage and internet access, both registering at 97.0 per cent and 99.9 per cent.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Chart 1: Quarterly Performance of E-Commerce Income by Establishments, Malaysia, 2021-2023




Chart 2: Contribution of ICT to GDP, Malaysia, 2015-2022





Chart 3: Contribution of E-commerce to GDP, Malaysia, 2015-2022



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
29 NOVEMBER 2023**